

KAJIAN MENGENAI RESTORAN

ANDA DI BANDAR MELAKA

KAJIAN MENGENAI "RESTORAN ANDA"

DI BANDAR MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

K.P. ITM

RUSMAN MD. LIZAH

KHURSINA MUSTAFFA

LELA LANI

MUHAMMAD HANAFI HASSAN

NORSHAMSUDDIN SAMSURI

SITI HAJAR HASSAN

DI TERIMA OLEH:

ENCIK YEOP HUSIN BIDIN

PENSYARAH "BUSINESS RESEARCH"

KERTAS KERJA INI DISERAHKAN KEPADA KAJIAN PERNIAGAAN DAN
PENGURUSAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
UNTUK MENDAPAT DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

NOVEMBER 1987

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	(i)
SINOPSIS	(iii)
DAFTAR GRAF	(v)
DAFTAR CARTA	(vii)
DAFTAR JADUAL	(viii)
DAFTAR APPENDIKS	(xii)

BAB

1. PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyata Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	2
1.4	Hipotesis	3
1.5	Andaian	3
1.6	Definasi Istilah-Istilah	4
1.7	Skop Kajian	6
1.8	Batasan Kerja	8
1.8.1	Batasan-batasan Am	8
1.8.2	Lain-lain Batasan	10

2. PENGKAJIAN BAHAN (Review of Litratuure)

2.1	Amalan MaKan Di luar	11
2.2	Lokasi	11

PENGHARGAAN

Kami bersyukur ke hadrat ALLAH kerana dengan sifat Pengasih dan PenyayangNya dapat kami menyiapkan satu laporan tentang penyelidikan yang telah dijalankan. Di sini kami ingin menyampaikan rasa penghargaan kami kepada pihak-pihak yang terlibat yang telah memberikan tunjuk ajar dan kerjasama dalam menyiapkan penyelidikan dan laporan ini. Penyelidikan ini tidak akan berjaya seandainya pihak kami tidak mendapat bantuan dan sokongan dari mereka di mana banyak masa dan usaha mereka peruntukkan untuk membantu kami menjalankan kajiselidik.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat Penasihat kami iaitu PUAN NORAINI AMINUDIN dari Kajian perniagaan dan Pengurusan yang telah banyak meluangkan masa dan fikiran dalam memberikan kami tunjuk ajar dan kritik yang membina hinggalah siapnya laporan penyelidikan kami ini. Nasihat-nasihat beliau begitu banyak membantu kami memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dihadapi serta buah fikiran yang diberikan dapat menokok tambah kekurangan penyelidikan kami.

Di samping itu, kami juga ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan rasa penghargaan kepada individu-individu berikut yang mana mereka telah terlibat dalam memberikan kerjasama serta pertolongan dalam menyediakan penyelidikan ini.

SINOPSIS

Kajian yang kami jalankan mengenai Restoran Anda meliputi dari berbagai aspek iaitu dari segi pengurusan, prospek masa depan restoran, kelebihan dan kebaikan serta kelemahan dan kekurangan Restoran Anda.

Penyelidikan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan, kami perolehi dari pihak pengurusan Restoran Anda sendiri. Ini meliputi dari segi aspek bila Restoran Anda ditubuhkan sehinggalah kepada maklumat-maklumat struktur organisasi. Kami juga memperolehi maklumat-maklumat lain dari komen serta pandangan yang diutarakan oleh pihak responden yang telah pihak kami pilih. Komen serta pandangan dari responden meliputi dari segi kebersihan, layanan rasa makanan dan minuman, harga makanan dan minuman, lokasi dan sebagainya.

Kami juga menyelidiki mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan Restoran Anda. Begitu juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pelanggan restoran ini. Boleh dikatakan masalah pihak pengurusan lebih tertumpu kepada struktur organisasi dan cara pengendalian restoran. Ini disebabkan kebanyakan tugas-tugas di restoran dikendalikan sendiri oleh pengurusnya iaitu Puan Hajah Hasinah bte Hj Mohd Yusof. Ini mungkin disebabkan restoran ini adalah milik peribadi atau keluarga. Selain daripada masalah yang